

**NAFKAH KELUARGA MENURUT HUKUM SYARAK DAN DI DALAM
UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
TAHUN 1999**

AK MD SAIFULLAH BIN PG HJ SULAIMAN

10MR102

FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SYARIF ALI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2015M/1436H

**NAFKAH KELUARGA MENURUT HUKUM SYARAK DAN DI DALAM
UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
TAHUN 1999**

AK MD SAIFULLAH BIN PG HJ SULAIMAN

10MR102

Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi Ijazah
Sarjana

**FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SYARIF ALI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

2015M/1436H

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

HALAMAN PENGESAHAN

**NAFKAH KELUARGA MENURUT HUKUM SYARAK DAN DI DALAM
UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM BRUNEI DARUSSALAM TAHUN
1999**

AK MD SAIFULLAH BIN PG HJ SULAIMAN

10MR102

Pembimbing: Dr. Abdurrahman Raden Aji Haqqi

Tandatangan: Tarikh:

Dekan Fakulti Syariah Dan Undang-Undang:

Tandatangan: Tarikh:

PENAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

AK MD SAIFULLAH BIN PG HJ SULAIMAN (10MR102)

Tandatangan

Tarikh

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur penulis panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala dan selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Dengan taufiq dan limpah kurnia Allah jua, Maka tesis ini dapat disiapkan seperti mana yang diharapkan.

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada al-ustaz al-fadhil Dr. Abdurrahman Raden Aji Haqqi selaku penyelia tesis ini. Beliau banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan kritikan ilmiah untuk kesempurnaan kajian ini. Penulis yakin bahawa tanpa bantuan dan sikap toleransinya, sukar bagi penulis untuk menyiapkan tesis ini.

Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada Rektor dan Timbalan Rektor Universiti Islam Sultan Syarif Ali, Dekan dan Timbalan Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang serta para pensyarah yang telah memberikan peluang untuk menyambung pengajian tinggi diperingkat Sarjana dan para pegawai Perpustakaan Universiti Islam Sultan Syarif Ali yang telah memberikan bantuan untuk menyelesaikan tesis ini.

Penulis juga tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih kepada ayahanda Pg Hj Sulaiman Bin Pg Hj Anum dan ibunda Pg Hj Norsinah Binti Pg Hj Damit yang telah banyak berkorban demi kejayaan penulis.

Akhir kata, penulis memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala semoga segala sumbangan dan jasa baik yang diberikan oleh semua pihak akan dibalas oleh Allah. Amin,

وجزاكم الله خيرا.

ABSTRAK

Nafkah merupakan satu tanggungjawab hakiki pihak suami dan ayah sebagai ketua keluarga. Di samping itu, nafkah juga merupakan tanggungjawab anak kepada kedua orang tuanya. Nafkah yang di maksudkan ialah menyediakan segala keperluan isteri dan anak-anak seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan kemudahan yang lain-lain. Pada masa ini isu dan masalah keengganan pihak suami atau bapa memberi nafkah isteri dan anak-anak serta masalah pengabaian ibu bapa oleh anak sendiri sering jadi perbincangan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang nafkah isteri, hak dan kewajipan seorang bapa memberi nafkah kepada anak-anaknya dan tanggungjawab anak memberi nafkah kepada kedua orang tuanya. Di dalam kajian ini, kaedah soal selidik dan dokumentasi digunakan sebagai instrumen untuk mengukur persoalan yang dibangkitkan. Di dalam kaedah soal selidik pengkaji akan mengemukakan beberapa soalan yang berbentuk objektif kepada beberapa orang responden. Manakala di dalam kaedah dokumentasi pula pengkaji akan menggunakan kitab suci al-Quran, kitab hadis serta buku-buku fiqh yang di tulis oleh ulama-ulama Islam sebagai rujukan. Hasil kajian telah mendapati bahawa ketidakfahaman mengenai nafkah antara faktor berlakunya krisis tuntutan nafkah tidak dipenuhi. Kajian ini diharap dapat memberi manfaat dan sumbangan kepada kefahaman yang lebih baik kepada masyarakat mengenai ilmu perkahwinan khususnya tanggungjawab terhadap isteri, anak dan ibu bapa termasuk juga nafkah isteri dan anak selepas berlaku pembubaran perkahwinan.

ABSTRACT

Maintenance is an essential responsibility of the husband and father as head of the family. In addition, maintenance is also the responsibility of children to their parents. Maintenance is meant is to provide all the needs of his wife and children, such as food, clothing, shelter and other facilities. At this time issues and the refusal of the husband or parents provide for his wife and children and also parental abandonment issues by their children often so discussion. Therefore, this study aimed to investigate the living spouse, rights and duties of a father to give maintenance to their children and the responsibilities of child maintenance to both parents. In this study, questionnaire and documentation used as an instrument to measure the raised questions. In the questionnaire the researcher will ask some objective questions to some respondents. While in the method of documentation is the researcher will use the Quran, hadith and fiqh books written by the scholars of Islam as a reference. Results of studies have found that lack of understanding of living among the factors crises alimony is not met. This research hopes to benefit and contribute to a better understanding to the public about marriage especially responsibilities to wife, children and parents including the maintenance of his wife and children after a dissolution of marriage.

ISI KANDUNGAN

Halaman Pengesahan.....	iv
Pengakuan.....	v
Penghargaan.....	vi
Abstrak.....	viii
Abstract.....	ix
Isi Kandungan.....	x
BAB 1: PENDAHULUAN.....	1
1.1 Rumusan Masalah.....	4
1.2 Kepentingan Kajian.....	4
1.3 Objektif Kajian.....	5
1.4 Skop Kajian.....	5
1.5 Metode Kajian.....	6
BAB 2: TINJAUAN PUSTAKA.....	7
2.1 Ketentuan Tentang Isteri Menurut Hukum.....	7
2.1.1 Pengertian Nafkah.....	7
2.1.2 Hak-hak Isteri.....	13
2.1.3 Kewajipan Suami Terhadap Isteri.....	31
2.1.4 Kewajipan Suami Menurut Hukum Islam.....	34
2.1.5 Kewajipan Suami Terhadap Isteri Menurut Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam Brunei) 1999.....	53

2.2 Ketentuan Tentang Anak Menurut Hukum.....	63
2.2.1 Pengertian Anak.....	63
2.2.2 Hak-hak Anak.....	75
2.2.3 Kewajiban Seorang Bapa Terhadap Anak.....	88
2.2.4 Kewajiban Bapa Menurut Hukum Islam.....	95
2.2.5 Kewajiban Seorang Bapa Terhadap Anak Menurut Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam Brunei) 1999.....	112
2.3 Ketentuan Tentang Ibu Bapa Menurut Hukum.....	118
2.3.1 Pengertian Ibu Bapa.....	118
2.3.2 Hak Ibu Bapa.....	135
2.3.3 Kewajiban Seorang Anak Terhadap Kedua Ibu Bapa.....	147
2.3.4 Kewajiban Anak Menurut Hukum Islam.....	152
BAB 3: HASIL KAJIAN DAN PEMBAHASAN.....	158
3.1 Statistik Nafkah Keluarga.....	158
3.2 Hasil Daripada Statistik Kajian.....	160
3.2.1 Perangkaan Dalam Penyertaan Lelaki Dalam Kursus Pra-Nikah Sebelum Perkahwinan.....	160
3.2.2 Perangkaan Dalam Penyertaan Wanita Dalam Kursus Pra-Nikah Sebelum Perkahwinan.....	161
3.2.3 Statistik Kefahaman Lelaki Tentang Nafkah.....	163
3.2.4 Statistik Kefahaman Wanita Tentang Nafkah.....	164

3.2.5 Statistik Kefahaman Lelaki Tentang Tanggungjawab	
Nafkah.....	166
3.2.6 Statistik Kefahaman Wanita Tentang Tanggungjawab	
Nafkah.....	167
3.3 Kesan-kesan Daripada Ketidakhahaman Tentang Nafkah.....	169
3.3.1 Pengurangan Kadar Statistik Di Dalam Institusi Keluarga.....	170
3.3.2 Kenaikan Kadar Statistik Di Dalam Institusi Keluarga.....	174
3.4 Statistik Kes Tuntutan Nafkah.....	176
3.4.1 Kes-kas Tuntutan Nafkah Iddah.....	177
3.4.2 Kes-kas Tuntutan Nafkah Isteri.....	178
3.4.3 Kes-kas Tuntutan Tunggakan Nafkah Isteri.....	179
3.4.4 Kes-kas Tuntutan Nafkah Anak.....	180
3.4.5 Kes-kas Tuntutan Tunggakan Nafkah Anak.....	181
3.5 Prosiding Menuntut Nafkah Isteri Dan Anak-anak Di	
Mahkamah Syariah.....	182
3.5.1 Mahkamah Syariah.....	182
3.5.2 Prosiding Menuntut Nafkah Isteri Di Mahkamah	
Syariah.....	185
3.5.3 Prosiding Menuntut Nafkah Anak-anak Di Mahkamah	
Syariah.....	187
3.6 Contoh-contoh Kes.....	189
3.6.1 Contoh Kes Tuntutan Nafkah Isteri.....	189
3.6.2 Contoh Kes Tuntutan Nafkah Iddah.....	190
3.6.3 Contoh Kes Tuntutan Nafkah Anak.....	193

BAB 4: PENUTUP.....	195
4.1 Kesimpulan.....	195
 BIBLIOGRAFI.....	 198
 LAMPIRAN.....	 209

BAB 1

PENDAHULUAN

LATAR BELAKANG

Nafkah merupakan satu tanggungjawab hakiki pihak suami dan ayah sebagai ketua keluarga. Di samping itu, nafkah juga merupakan tanggungjawab anak kepada kedua orang tuanya. Nafkah yang di maksudkan ialah menyediakan segala keperluan isteri dan anak-anak seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan kemudahan yang lain-lain, sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wa Taala yang bermaksud:

“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuan dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan oleh Allah kepadanya (sekadar yang mampu)”. (Surah al-Talaq: 7).

Nafkah yang diberikan seorang suami kepada keluarga merupakan nafkah yang paling utama. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda:

“Satu dinar yang engkau belanjakan di jalan Allah satu dinar yang engkau keluarkan untuk membebaskan hamba satu dinar yang engkau sedekahkan kepada seorang miskin dan satu dinar yang engkau nafkahkan untuk keluargamu maka yang paling besar pahala dari semua nafkah tersebut adalah satu dinar yang engkau nafkahkan untuk keluargamu”.¹

¹ Muslim. *Sahih Muslim*, Kitab al-Zakat, Bab Fadhlul al-Nafkah wa al-Iyal ala al-Mamluk wa Ismi Man dhaiyya'ahum au habasa Nafakatuhum anhum, hlm 499. no hadis 12.

Mengikut peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam Brunei 1999 seorang suami berkewajipan memberi nafkah kepada isteri dan anak-anaknya. Dalam peruntukan mengenai hak nafkah seorang isteri disebutkan dalam seksyen 61 (1) (2) (3) seperti berikut:

61. (1) “Tertakluk kepada Hukum Syara’ Mahkamah boleh memerintahkan seorang suami supaya membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya”.

(2) “Tertakluk kepada Hukum Syara’ dan pengesahan Mahkamah, seorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia *nusyuz* atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu antara lain –

(a) Apabila dia menjauhkan dirinya daripada suaminya

(b) Apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya;

(c) Apabila dia enggan berpindah bersama suaminya kesatu rumah atau tempat lain, tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut Hukum Syara’.

(3) Isteri yang *nusyuz*, kemudian ia bertaubat dan menurut kemahuan dan perintah sah suaminya, maka isteri itu tidaklah menjadi *nusyuz*

Manakala peruntukan mengenai hak nafkah anak di sebutkan dalam seksyen 75 (1) (2) seperti berikut:

75. (1) “Kecuali jika sesuatu perjanjian atau perintah Mahkamah memperuntukkan dengan cara lain maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anak-anaknya, sama ada mereka berada dalam jagaannya atau dalam jagaan mana-mana orang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka

tempat tinggal, pakaian, makanan, rawatan perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya”.

(2) “Kecuali sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, adalah menjadi kewajipan seorang yang bertanggung di bawah Hukum Syara’, supaya menanggung nafkah atau memberi sumbangan untuk nafkah kanak-kanak jika bapa kanak-kanak itu telah mati atau tempat di mana bapanya berada tidak di ketahui atau jika dan setakat mana dia tidak berupaya menanggung nafkah mereka.

Pada masa ini isu dan masalah keengganan pihak suami atau bapa memberi nafkah isteri dan anak-anak serta masalah pengabaian ibu bapa oleh anak sendiri sering jadi perbincangan.

Melihat permasalahan di atas pengkaji tertarik untuk melakukan kajian tentang Nafkah Keluarga Menurut Hukum Syarak Dan Di Dalam Undang-Undang Keluarga Islam Brunei Darussalam Tahun 1999.

1.1 RUMUSAN MASALAH

Berdasarkan latar belakang tersebut di atas, dapat dirumuskan permasalahan sebagai berikut:

- 1- Apa dia hak-hak isteri semasa di dalam perkahwinan dan selepas berlaku perceraian?
- 2- Apa dia hak ibu bapa ke atas nafkah?
- 3- Bagaimana Kewajipan hukum seorang ayah memberi nafkah anak setelah terjadinya perceraian?

1.2 KEPENTINGAN KAJIAN

- 1- Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat Brunei khususnya para wanita tentang hak-hak mereka dalam undang-undang khususnya mengenai hak-hak dalam perkahwinan dan selepas berlaku pembubaran perkahwinan.
- 2- Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman mengenai hukum-hukum ilmu agama khususnya dalam ilmu perkahwinan seperti tanggung jawab terhadap keluarga, ibu bapa, masyarakat, hak-hak dalam perkahwinan atau selepas berlaku pembubaran perkahwinan.
- 3- Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman mengenai peruntukan undang-undang keluarga Islam khususnya dalam Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam Brunei) 1999.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai objektif berikut:

- 1- Untuk menjelaskan dan menghuraikan nafkah isteri dan anak-anak menurut syarak dan undang-undang.
- 2- Untuk menjelaskan hak dan kewajipan seorang bapa memberi nafkah kepada anak-anaknya dan tanggungjawab anak memberi nafkah kepada kedua orang tuanya.
- 3- Untuk menganalisis kes-kes dan peruntukan dalam undang-undang keluarga Islam mengenai nafkah isteri dan anak-anak.
- 4- Merumuskan hak isteri, anak dan ibubapa ke atas mereka yang dipertanggungjawab untuk melaksanakannya.

1.4 SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada nafkah isteri, anak-anak dan ibubapa dalam perundangan Islam dan Undang-Undang Keluarga Islam di Brunei sahaja. Oleh yang demikian, di dalam melaksanakan penyelidikan, sasaran yang diketengahkan ialah bangunan Mahkamah Syariah Brunei serta Jabatan Pembangunan Masyarakat Brunei (JAPEM) untuk mendapatkan statistik kajian tentang nafkah keluarga daripada tahun 2007 sehingga tahun 2009 serta pandangan mereka tentang isu pengabaian nafkah keluarga. Seterusnya, kajian ini mengupas tentang faktor-faktor, kesan-kesan mengabaikan nafkah keluarga dan syarat-syarat menurut hukum syara' dan Undang-Undang Keluarga Islam Brunei.

1.5 METODE KAJIAN

Dalam menjayakan kajian ini pengkaji menggunakan metode-metode kajian berikut:

1) Kajian perpustakaan

Bagi mengumpulkan maklumat-maklumat yang terdapat didalam buku-buku, majalah-majalah, jurnal-jurnal, surat khabar atau lainnya didalam kajian ini, maka pengkaji telah pergi membuat lawatan di beberapa buah perpustakaan di Brunei Darussalam seperti perpustakaan Universiti Brunei Darussalam, perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, perpustakaan mahkamah syariah dan perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

2) Kajian lapangan

Bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan iaitu maklumat tentang laporan kes tuntutan nafkah isteri dan anak, maka pengkaji akan pergi menyelidik ke bangunan mahkamah syariah dan jabatan pembangunan masyarakat bagi menemubual Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat serta Penolong Pendaftar Mahkamah-Mahkamah Syariah.

BAB 2

TINJAUAN PUSTAKA

2.1 Ketentuan Tentang Isteri Menurut Hukum

2.1.1 Pengertian Nafkah

Nafkah dari segi bahasa ertinya membelanjakan (*al-Sarf*). Pada istilah ahli-ahli fiqah nafkah bermaksud nama bagi suatu yang dibelanjakan oleh seseorang untuk isterinya, orang yang di bawah tanggungannya, keluarganya dan hambanya yang berupa makanan, pakaian, tempat tinggal dan tenaga kerja.² Mengeluarkan belanja dan nafkah ini dikhususkan kepada perbelanjaan yang baik-baik sahaja.³

Ahli-ahli fiqah menentukan bahawa sebab yang mewajibkan seseorang itu menunaikan nafkah terhadap orang lain ialah dengan tiga sebab: iaitu perkahwinan (*al-zawjiyyah*), persaudaraan (*al-qarabah*) dan pemilikan (*al-milkiyyah*).⁴

² Badran, Abu al-Aynayn. *al-Zawaj wa al-Talaq*, hlm 232.

³ al-Sharbini, Shamsud al-Din Muhammad bin al Khatib. *Mughni al-Muhtaj*, hlm 42 .

⁴ Muhammad Abu Zahrah. *al-Ahwal al-Shakhsiyah*, hlm 269.

Nafkah isteri diwajibkan ke atas suami dengan sebab perkahwinan (*al-zawjiyyah*). Ia merupakan hak bagi isteri tersebut sebaik sahaja akad nikah berlangsung walaupun isteri tersebut kaya atau berlainan agama sekalipun.⁵ Namun begitu mazhab Shafie mensyaratkan nafkah ke atas isteri dengan syarat-syarat seperti berikut:⁶

1. Perkahwinan itu merupakan perkahwinan yang sah.
2. Isteri menyerahkan dirinya kepada suami.
3. Suami dapat menikmati isterinya.
4. Isteri sanggup mengikuti suaminya ke mana sahaja yang dikehendakinya.
5. Kedua-duanya saling boleh menikmati pasangannya.

Kewajipan memberi nafkah disebut dalam ayat al-Qur'an iaitu:

﴿وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ﴾

(Surah al-Baqarah: 233)

⁵ Badran. *al-Fiqh al-Muqaran li al-Ahwal al-Shakhsiyyah*, juz , hlm 233.

⁶ al-Shafie, Abu Abd Allah Muhammad Bin Idris. *al-Umm*, juz 5, hlm 77-79.

Yang bermaksud:

“... Dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya ...”

Dalam ayat al-Qur'an yang lain, Allah Subhanahu Wa Taala berfirman:

﴿لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ ۗ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا

إِلَّا مَا آتَاهَا ۗ﴾

(Surah al-Talaq: 7)

Yang bermaksud:

“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuan dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan oleh Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya ...”

Kewajipan suami menunaikan nafkah isteri merupakan suatu yang mesti dilaksanakan. Malah jika suami yang tidak mahu mengeluarkan nafkah untuk isteri dan anaknya, maka Syariah membolehkan hartanya diambil walaupun tanpa pengetahuannya. Ini berdasarkan hadis daripada Aishah yang mengatakan bahawa Hind bint Utbah telah mengadu kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam mengenai suaminya yang pelokek sehingga nafkah untuk diri dan anaknya tidak mencukupi. Sabda Rasulullah: “Ambillah olehmu (wahai Hind) keperluan yang mencukupi untukmu dan anakmu secara berpatutan”⁷.

Sementara itu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam juga menekankan kewajipan memberi nafkah ke atas suami dalam khutbah Baginda ketika Haji Wada yang bermaksud:

“... Dan hak bagi mereka, kewajipan atasmu memberi makan dan pakaian menurut yang sepatutnya ...”⁸

Perkara-perkara yang termasuk dalam nafkah itu ialah apa-apa jua yang diperlukan oleh seorang isteri dalam kehidupannya mengikut keadaan yang biasa diberikan oleh orang-orang di sekeliling tempat mereka⁹ dan berdasarkan kemampuan suami¹⁰ iaitu:

⁷ al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*, juz 7, Bab iza lam Yunfiq al-Rajul, hlm 85.

⁸ Mahy al-Din al-Nawawi. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, 18 juz, juz 8, hlm 412- 413.

⁹ al-Shafie, Abu Abd Allah Muhammad Bin Idris. *al-Umm*, juz 5, hlm 79.

¹⁰ al-Shirazi, Muhammad bin Abd al-Wahid bin al-Humam. *Sharh Fath al-Qadir*, 7 juz, juz 4, hlm 380.

1. Makanan;
2. Pakaian;
3. Tempat tinggal;¹¹ dan
4. Pembantu rumah; iaitu bagi isteri yang kebiasaannya mempunyai pembantu dan ia terhad kepada seorang sahaja.¹²

Menurut Imam Shafie, nafkah itu wajib sebagai imbalan kepada kenikmatan yang diperoleh suami kepada isteri. Dengan sebab itu jika isteri telah menyerahkan dirinya, wajiblah suami memberikannya nafkah. Kewajipan ini tidak akan terhenti sekalipun masa dan perkara itu telah berlalu.¹³

Pemberian nafkah dilakukan dengan dua cara, iaitu secara *tamkin* dan secara *tamlík*.¹⁴ Secara *tamkin* ertinya seorang suami menyediakan nafkah untuk keperluan isterinya seperti mana nafkah yang dinyatakan dalam Hukum Syarak. Sementara secara *tamlík* ertinya seorang suami memberi nafkah dan perbelanjaan yang sepatutnya dimiliki oleh isteri adalah dibuat melalui proses tuntutan kepada kadi. Dengan kata lain, seorang isteri menerima bayaran nafkah melalui perintah kadi kepada suaminya.¹⁵ Bayaran dengan perintah kadi ini boleh dijelaskan sama ada dengan memberikan jenis-jenis yang dinamakan nafkah atau dinilai dengan matawang.¹⁶

¹¹ al-Juzairi, Abd Rahman. *al-Fiqh Ala al-Madhahib al-Arbaah*, juz 4, hlm 554.

¹² al-Shafie, Abu Abd Allah Muhammad Bin Idris. *al-Umm*, juz 5, hlm 78.

¹³ al-Ramli, Shamsuddin Muhd bin Abi al-Abbas Ahmad bin Hamzah Ibn Shahab al-Din. *Nihayat al-Muhtaj Ila Sharh al-Minhaj*, juz 7, hlm 187.

¹⁴ Muhammad Abu Zahrah. *al-Ahwal al-Shakhsiyyah*, hlm 280.

¹⁵ Badran, Abu al-Aynayn. *al-Zawaj wa al-Talaq*, hlm 244-245.

¹⁶ Ibid. hlm 245.

Jika pembayaran nafkah dilakukan secara *tamlik*, ia hendaklah berasaskan kepada dua perkara iaitu; keupayaan suami dan keperluan isteri terhadap nafkah tersebut.¹⁷

Ini berdasarkan firman Allah Subhanahu Wa Taala yang bermaksud:

“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuan dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan oleh Allah kepadanya (sekadar yang mampu) ...”.

Manakala berdasarkan kisah Hind binti Utbah iaitu isteri kepada Abu Sufyan bin Harb yang telah mangadu kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam untuk mendapatkan nafkah dari suaminya yang kedekut. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam memerintahkan Hind dalam sabda baginda yang bermaksud:

“Ambillah olehmu (wahai Hind) keperluan yang mencukupi untukmu dan anakmu secara berpatutan”.¹⁸

¹⁷ Badran , Abu al-Aynayn. *al-Zawaj wa al-Talaq*, hlm 245-246.

¹⁸ al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*, juz 7, Bab iza lam Yunfiq al-Rajul, hlm 85.

Hadis di atas menunjukkan bahawa hak nafkah boleh dituntut oleh seorang isteri ketika dia masih dalam perkahwinannya dan tidak perlu menunggu sehingga berlaku perceraian untuk memperoleh hak tersebut, iaitu apa yang dinamakan ‘tunggakan’. Sementara dari segi yang lain, hadis ini boleh dijadikan hujah bagi seorang isteri untuk mengambil harta suaminya bagi keperluan perbelanjaannya dan anaknya dengan kadar secukupnya dan berpatutan tanpa izin suami. Ini kerana apa yang diambil dari harta suaminya itu merupakan hak bagi isteri dan anak tersebut dan jika diambil secara berlebihan dari keperluan dan kecukupan maka ia telah melampaui batas mengambil yang bukan haknya.

2.1.2 Hak-hak Isteri

Pengertian Hak:

Hak dari sudut bahasa ialah benar, kebenaran, kuasa atas sesuatu atau untuk berbuat sesuatu dan ianya ditentukan oleh undang-undang, agama, adat istiadat dan lain-lain.¹⁹

Menurut istilah hak ialah sesuatu yang dapat dipunyai atau dikuasai, baik yang berupa benda mahupun yang berupa wewenang dan kewajipan ialah sesuatu yang perlu diberikan, baik yang berupa benda mahupun yang berupa perbuatan.²⁰

¹⁹ Dr. Teuku Iskandar. *Kamus Dewan*, hlm 428.

²⁰ Ahmad, Idris. *Fiqh Syafii*, hlm 273.

Firman Allah Subhanahu Wa Taala:

﴿وَيُعَوِّلُهُنَّ أَحَقُّ بِرِدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا وَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْنَّ بِالْأَعْرُوفِ

وَاللرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ﴾

(Surah al-Baqarah: 228)

Yang bermaksud:

“Dan suami-suaminya berhak merujukinya dalam masa menanti itu, jika mereka (para suami) itu menghendaki islah. Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajibannya menurut cara yang ma’ruf. Akan tetapi para suami mempunyai satu tingkatan kelebihan daripada isterinya. Dan Allah maha perkasa lagi maha bijaksana”.

Terdapat beberapa hak yang wajib suami tunaikan ke atas isteri berdasarkan nas al-Quran dan hadis Nabi antaranya hak mahar, hak nafkah, hak mendapat hubungan komunikasi yang baik, hak mendapat bimbingan dan tunjuk ajar, hak terhadap harta sepencarian, dan beberapa hak asasi wanita.

Penjelasan hanya tertumpu kepada penjelasan mengenai hak nafkah sahaja.

Hak Nafkah:

Menurut Imam an-Nawawi bahawa hak-hak yang wajib terhadap isteri itu tujuh perkara iaitu;

1. Makanan.
2. Bahan-bahan seperti rempah-ratus (bawang, minyak masak, garam, gula, asam termasuk lauk-pauk dan sebagainya).
3. Pembantu bagi isteri yang kebiasaannya mempunyai pembantu.
4. Pakaian.
5. Alat-alat pembersih badan dan pencuci pakaian, sikat dan sebagainya.
6. Perkakas-perkakas rumah seperti perkakas bilik air, perkakas tidur dan sebagainya dan yang terakhir ialah tempat tinggal (rumah).²¹

Penjelasan hanya tertumpu kepada penjelasan mengenai nafkah makanan, pakaian, pembantu dan tempat tinggal sahaja.

²¹ al-Nawawi, Yahya ibn Sharf al-Din. *Raudah At-Talibin*, juz 6, hlm 450–461.

1. Nafkah Makanan

Suami wajib memberi nafkah makan kepada isterinya dengan makanan yang asasi bagi sesebuah negeri seperti beras.

Jumlah nafkah yang wajib diberi oleh suami kepada isterinya sama dengan jumlah *kafarah* sumpah yang dibayar kepada setiap orang iaitu satu *mudd*²² iaitu kira-kira bersamaan 566.85 gram.

Berdasarkan firman Allah Subhanahu Wa Taala:

﴿مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ﴾

(Surah al-Maidah: 89)

Yang bermaksud:

"Daripada jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu".

²² al-Nawawi, Yahya ibn Sharf al-Din. *al-Majmuk*, juz 19, hlm 360.

Mazhab Syafi'e juga menetapkan bahawa pemberian nafkah tersebut iaitu pada setiap hari bermula dari terbit matahari. Bagi suami yang mampu / kaya, dia wajib memberi nafkah sebanyak dua *mudd* bersamaan 1 kilo 133.70 gram beras. Manakala suami yang tidak mampu hanya wajib memberi satu *mudd* iaitu 566.85 gram bagi setiap hari. Adapun orang pertengahan, wajib membayar 1½ *mudd* bersamaan 850.275 gram.²³ Walau bagaimanapun adalah harus pula memberi nafkah itu dengan segera atau melambatkannya tertakluk kepada persetujuan suami isteri tersebut.²⁴

Menurut Imam As-Syirazi pula adalah harus bagi suami memberi beras itu dengan nilai harga jika suami isteri bersetuju.²⁵

Termasuk dalam kategori makanan itu ialah lauk pauk, rempah- ratus, minyak makan dan sebagainya. Dari itu suami juga wajib menyediakan alat dapur seperti tempat memasak, pinggan mangkuk dan yang berkaitan dengannya.²⁶

Mengenai makanan daging, menurut Imam An-Nawawi, suami wajib memberikannya kepada isteri. Berdasarkan perkataan Imam As-Syafi'e, suami yang kurang mampu hendaklah memberikannya seminggu sekali dan sunat memberikannya pada hari Juma'at.²⁷

²³ al-Nawawi, Yahya ibn Sharf al-Din. *Raudah At-Talibin*, juz 6, hlm 450.

²⁴ al-Zuhaili, Wahbah. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, juz 10, hlm 7389.

²⁵ al-Shirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin Ali bin Yusuf. *al-Muhadhdhab*, juz 4, hlm 607-608.

²⁶ al-Nawawi, Yahya ibn Sharf al-Din. *Raudah At-Talibin*, juz 6, hlm 453.

²⁷ Ibid., hlm 452.

BIBLIOGRAFI

A. Buku

Al Qur'an Al-Karim.

Abd al-Rahman Taj, (1437H/1955). *Ahkam al-Ahwal al-Shakhsiyyah fi al-shari'ah*

al-Islamiyyah. Mesir: Dar al-Kitab al-Arabi.

Abd al-Wahid, Muhammad bin Abd al-Wahid bin al-Humam, (1424H/2003). *Sharh Fath*

al-Qadir. Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Abdul Rahman, (2003). *Undang-Undang Syariah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa

dan Pustaka.

Abdul Rahman al-'Ak, (2000). *Tashil al-Usul.* Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Abdullah, Muhammad Mayuddin, (1404H/1984). *al-Ahwal al-Shakhsiyyah fi al-Shari'ah*

al-Islamiyyah. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.

Abu Daud, Sulaiman al-Sajastani, (2007). *Sunan Abu Daud.* Lubnan: Dar al-kutub

al-Ilmiah.

Abu Ya'la al-Musalli, al-Imam al-Hafiz Ahmad bin Ali bin al-Musanna al-Tamimi,

(1408H/1988). *Musnad Abi Ya'la al-Musalli.* Thab'ah Dar al-Qiblah Lissaqafah

al-Islamiyyah.

Ahmad, Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal bin Asad, (1414H/1993). *Musnad*

Ahmad. Dar Ihya al-Turas al-Arabi.

Ahmad, Idris, (1995). *Fiqh Syafii*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.

Al-Albany, Muhammad Nasir al-Din al-Albany, (1421H). *Daif al-Adab al-Mufrad*

Lil-Imam Bukhari. Dar al-Sadik.

Al-Albany, Muhammad Nasir al-Din al-Albany, (1409H). *Sahih Abi Daud*. Maktab

al-Tarbiah al-Arabi li al-Dauli al-Khalij.

Al-Albany, Muhammad Nasir al-Din al-Albany, (1994). *Sahih al-Adab al-Mufrad Lil-*

Imam Bukhari. Dar al-Sadik.

Al-Albany, Muhammad Nasir al-Din al-Albany, (1408H). *Sahih al-Tarmizi*. Maktab

al-Tarbiah al-Arabi li al-Dauli al-Khalij.

Al-Albany, Muhammad Nasir al-Din al-Albany, (1407H). *Sahih Ibnu Majah*. Maktab

al-Tarbiah al-Arabi li al-Dauli al-Khalij.

Al-Asqalani, Shahabuddin Abi al-Fadl Ahmad bin Ali bin Muhammad Ibn Hajr al-Kanani

al-Asqalani al-Syafie, (2006). *al-Talkhis al-Habir Fi Takhrij Ahadis al-Rafi 'I*

al-Kabir. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin al-Husain, (1999). *al-Sunan al-Kubra*. Lubnan: Dar

al-kutub al-Ilmiah Li al-Nashri.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, (2005). *al-Adab al-Mufrad*. al-Kaherah: Dar al-Salam.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, (2007). *Sahih al-Bukhari*. Lubnan: Dar al-kutub
al-Ilmiah.

Al-Dusuqi, Shams al-Din al-Shaykh al-Din al-Shaykh Muhammad Arafah, (1419H/1998).

Hashiyyah al-Dusuqi ala al-Sharh al-Kabir, Jilid 2. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Fakr al-Razi, al-Imam Fakhruddin al-Razi Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin

Husain al-Qurshi al-Thabrastani al-Asl, (1425H/2004). *al-Tafsir al-Kabir Li al-Imam
al-Fakhr al-Razi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Al-Husayni, Muhammad bin al-Husaini, (1422H/2001). *Kifayah al-Akhyar*. Dar al-Kutub

al-Ilmiah.

Al-Juzairi, Abd Rahman, (1424H/2003). *al-Fiqh Ala al-Madhahib al-Arbaah*. Dar

al-Kutub al-Ilmiah.

Al-Kasani, Alauddin Abi Bakr ibn Mas'ud, (2002). *Bada'i' al-Sana'i'*. Beirut: Dar al-Kutub

al-Ilmiah.

Al-Nasai, Ahmad bin Syuib, (2009). *Shahih Sunan al-Nasai*. Dar al-Kutub

al-Ilmiah.

Al-Nawawi, Yahya ibn Sharf al-Din, (1997). *al-Majmuk*. Dar al-Fikr.

- Al-Nawawi, Yahya ibn Sharf al-Din, (1985). *Raudah At-Talibin*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Ramli, Shamsuddin Muhd bin Abi al-Abbas Ahmad bin Hamzah Ibn Shahab al-Din, (1404H/1984). *Nihayat al-Muhtaj Ila Sharh al-Minhaj*. Dar al-Fikr.
- Al-Shafie, Abu Abd Allah Muhammad Bin Idris, (2009). *al-Umm*. Lubnan: Dar al-kutub al-Ilmiah Li al-Nashri.
- Al-Sharbini, Shamsud al-Din Muhammad bin al Khatib, (1418H/1997). *Mughni al-Muhtaj*. Dar al-Ma'rifah.
- Al-Shirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin Ali bin Yusuf, (1416H/1990). *al-Muhadhdhab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Tirmizi, Abu Isa Muhammad bin Isa al-Salami, (t.th.). *al-Tirmizi dalam Sunannya*. Makkah: al-Maktabah al-Faisaliyyah.
- Al-Zuhaili, Wahbah, (1409H/1979). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Asy-Syahid Sayyid Qutb, Sayyid bin Qutb bin Ibrahim bin Hasan al-Syazili, (1423H/2003). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an*. Dar al-Syuruk.

- Awang Hj. Mohammad Tarif, (1967). "*Tugas Pendakwa Raya Syaria*". Buku kenang-kenangan Istiadat Pembukaan (Bangunan Baru), Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.
- Badran. Abu al-Aynayn, (t.th.). *al-Zawaj wa al-Talaq*. al-Iskandariyah, (Mesir): Mua'ssisah Shabab al-Jami'ah.
- Badran. Abu al-Aynayn, (t.th.). *al-Fiqh al-Muqaran li al-Ahwal al-Shakhsiyyah*. Beirut: Dar al-Nahdah.
- Badruddin Haji Ibrahim & Azizah Mohd, (2012). '*Hak Ibu Bapa Terhadap Nafkah Dalam Perundangan Islam*'. Kanun-Jurnal Undang-Undang Malaysia.
- Badruddin Haji Ibrahim, Azizah Mohd, (2011). '*Nafkah Isteri Bekerja Dalam Undang-Undang Islam Di Malaysia*', Kanun-Jurnal Undang-Undang Malaysia.
- Baijuri, Ibrahim, (1924). *Hasyiah al-Allamah al-Fadhil Wa al-Qudwah al-Kamil asy-Syeikh Ibrahim al-Baijuri*. Mesir: Mustafa Babi Halabi wa Auladihi.
- Dato Paduka Seri Setia Prof. Dr. Hj. Mahmud Saedon Awg Othman, (2001). *Keluarga Bahagia: Dari Kaca Mata Islam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

- Dr. Datin Hajah Saadiah DDW Haji Tamit, (2009). *Wanita, Keluarga, dan Undang-undang di Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Dr. Haji Mohd Radzuan Ibrahim, (2006). *Munakahat: Undang-undang & Prosedur*. DRI Publishing House.
- Dr. Kamil Musa, (1999). *Hak-hak Anak Perempuan Dalam Islam*. Perniagaan Jahabersa.
- Dr. Siti Zulaikha Mohd Nor, (1989). *Perlindungan Kanak-kanak Di Dalam Islam Pelaksanaannya Menurut Undang-undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Dr. Teuku Iskandar, (1970). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Md. Zain bin Haji Serudin, (1998). *Melayu Islam Beraja Suatu Pendekatan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Mohd. Jamil al-Sufri, (1990). *Latar Belakang Sejarah Brunei*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah.
- Haji Mohd Sanusi bin Haji Mahmood, (1979). *Undang-undang Keluarga Dalam Islam*. Kota Bharu: Syarikat Dian.
- Hans Wehr, (1976). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. London: Harrap.

- Ibn Abidin, Muhammad Amin bin Umar Abidin, (1423H/2003). *Hasyiyah Ibnu Abidin*.
Dar Alim al-Kutub.
- Ibn Hajr Asqalani, Ahmad bin Hajr, (1975). *Fath Al-Bari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Qudamah, Abdul Rahman bin Muhammad, (2008). *al-Mughni*. Dar al-kutub al-Ilmiah.
- Mahy al-Din al-Nawawi, Yahya bin Syaraf al-Nawawi Mahy al-Din Abu Zakaria,
(1414H/1994). *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Muassisah Qurtubah.
- Malibari, Zain al-Din, (t.th.). *Fath al-Mu'in*. Cairo: Matba't Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Maxwell, William George and Gibson, William Summer, (1925). *Trities and Engagement
Affecting the Malay States and Borneo*. London: P. Jas Truscott and Son Ltd.
- Muhammad Abu Zahrah, (2005). *al-Ahwal al-Shakhsiyyah*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Muhammad Arafat al-Dusuki al-Maliki, (t.th.). *al-Syarhul Kabir ma' al-Dusuki*. Beirut:
Dar al-Fikr.
- Muhammad Fawzi Faydullah. *al-Fatawa*, dalam *majalah al-Syariah wa al-Dirasat
al-Islamiyyah*, thn.1, bil.2, Universiti Kuwait, November 1984.
- Muhammad Jawad Mughniyyah, (1964). *al-Ahwal al-Shakhsiyyah*. Beirut: Dar al-Ilmi
li al-Malayain.
- Muhammad Yusuf Musa, (1967). *al-Nasab wa Atharuhu*. Kaherah: Dar al-Ma'rifah.

Muslim, Muslim bin al-Hajaj al-Qusyairi al-Naisaburi, (1374H). *Sahih Muslim*.

Dar Ihya al-Kutub al-Arbiah.

Mustafa Hj. Daud, (1991). *Perkahwinan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan

Publications & Distributors.

Pengiran Hj. Metassan bin Pengiran Munggo, (t.th.). "*Pendaftar Mahkamah Syariah*".

Buku kenang-kenangan Istiadat Pembukaan (Bangunan Baru),

Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

Prof Madya Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, (1989). *Undang-undang Keluarga Islam,*

Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia. Cheras, Kuala Lumpur: Karya Abazie.

Qaradawi, Yusuf, (1993-1994). *Fatawa Muàsyirah*. Cairo: Matab'i Dar al-Wafa.

Sha'ban, Zaki al-Din, (1966). *al-Ahkam al-Shar'iyah li al-Ahwal al-Shakhsiyyah*.

al-Qahirah: Dar al-Nahdah al-'Arabiyah.

Shihab, M.Quraish, (2000-2004). *Tafsir al-Mishbah*. Lentera Hati, Djuanda.

Siti Zulaika Md.Nor, (2008). *Anakku Anakmu (Siri Undang–Undang dan Masyarakat)*.

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syeikh Ahmad al–Dirdiri al–Adawi, (t.th.). *al–Syarhul al–Saghir wa Hasyiatu al–Sawi*.

Dar al-Ma'arif.

Ustaz Abu Hassan Din Al Hafiz, (1984). *Koleksi Persidangan Perkahwinan Dan Kekeluargaan Dalam Islam*. Kuala Lumpur.

Ustaz Syed Ahmad bin Syed Abdullah, (t.th.). *Perkahwinan Dan Kekeluargaan Dalam Islam*. (t.tp.): (t.pt.).

W.H.Trecher, (1880). "*British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo*". JMBRA, Vol. 20.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia

Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, (2005). *Fatwa Mufti Kerajaan*, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Zaini, Muderis, (1995). *Adopsi Suatu Tinjauan Dari Tiga Sistem Hukum*. Jakarta: Sinar Grafika.

Zaydan, (2000). *al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah wa bayt al-Muslim fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: al-Risalah.

....., (1996). *Irsyad Hukum*. Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

....., (2002). *Irsyad Hukum*. Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

....., (1997). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

....., (2000). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

....., *Khutbah Jumaat*, Majlis Ugama Islam Singapura 2 Sya'ban 1433H/ 22 Jun 2012M.

B. Perundangan

Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184.

Enakmen no.1, tahun 1908, Laws of Brunei 1906-1930.

Laws of Brunei, Revised Edition 1984, Chapter 77, Religious Council and Kadis Courts Act.

Perintah Darurat (Undang–Undang Keluarga Islam) 1999.

Perintah Pengangkatan Kanak–Kanak Dalam Islam 2001.

C. Internet

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0216&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm. 30/7/2012.

D. Kes

Kes Fail bil.K 11/97, Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan.

Kes Mal bil.38/75, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara.

Kes Mal bil.88/94, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara.

Kes Mal bil.78/96, Mahkamah Kadi Daerah Belait.

Kes Mal bil.78/96, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara.

Kes Mal bil.170/96, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara.

Kes Mal bil.14/97, Mahkamah Kadi Besar.